

Turut menemui ajal seorang kanak-kanak berusia

Lima maut, dua ceo

Oleh **NOR AZAN FITRI
AHMAD HIDZIR**

pengarang@utusan.com.my

JOHOR BAHRU 19 Nov. - Lima lelaki termasuk seorang kanak-kanak berusia setahun maut, manakala sepasang suami isteri cedera dalam satu kemalangan ngeri melibatkan tiga kereta dan sebuah motosikal di Jalan Masai-Kong Kong, berhampiran Taman Zamrud, Pasir Gudang dekat sini malam tadi.

Mereka yang maut ialah S. Varathan, 35; S. Sivakumar, 40; Mohd. Ismail Abd. Rahman, 46; V. Sadhees, 23, dan Muhammad Danial Syafiq Aziz berusia setahun, manakala Aziz Yakub, 33 dan isterinya, Nurul Hafizah Mohamed, 30 mengalami kecederaan.

Kejadian yang berlaku pukul 9 malam itu dipercayai berpunca apabila motosikal ditunggang Sadhees cuba memotong sebuah kereta di hadapannya di garisan berkembar sebelum bertembung dengan sebuah kereta Perodua Kembara yang dipandu Varathan bersama Mohd. Ismail dan Sivakumar.

Akibat pelanggaran itu, kereta Perodua Kembara terbabit hilang kawalan lalu memasuki laluan ber-



S. VARATHAN



SIVAKUMAR



V. SADHEES

tentangan dan bertembung dengan sebuah kereta Perodua Viva yang dinaiki Aziz dan isteri serta anak mereka, Muhammad Danial Syafiq.

Sebuah lagi kereta Perodua Viva dipandu seorang lelaki berusia 30-an yang berada di belakang gagal mengelak lalu melanggar kenderaan dinaiki tiga sekeluarga terbabit.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Supritendan Roslan Zainuddin berkata, empat mangsa termasuk penunggang motosikal mati di tempat kejadian akibat kecederaan parah manakala Muhammad Danial Syafiq meninggal dunia semasa menerima rawatan di Hospital Sultan Ismail (HSI).

"Ibu bapa kanak-kanak terbabit hanya mengalami cedera ringan dan kini dirawat di HSI, manakala seorang lagi pemandu Perodua Viva tidak mengalami sebarang kecederaan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Roslan berkata, mayat keempat-empat mangsa dihantar ke HSI untuk bedah siasat dan kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Katanya, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan kejadian itu diminta menghubungi balai polis berhampiran bagi membantu siasatan.

a setahun

utusan 20/11/12 MS5

dera nahas ngeri



ORANG ramai melihat keadaan kenderaan yang terlibat dalam kemalangan maut di Jalan Masai-Kong Kong menghala ke Cahaya Baru, Pasir Gudang, dekat Johor Bahru, kelmarin. - UTUSAN/NASIRRUDDIN YAZID